

08/12/1997

Sentiasa ambil berat kebajikan rakan

SELAKU Exco Kebajikan dan Pengaduan Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PM UTM) kampus Jalan Semarak, Kuala Lumpur, Md Rizal Othman sentiasa memberi mengambil berat terhadap kebajikan rakan seperjuangannya.

Meskipun tanggungjawab dipikul adalah berat, pelajar tahun tiga Diploma Kejuruteraan Elektronik ini menyifatkannya sebagai cabaran yang mematangkan bakat kepimpinannya.

Menurutnya, antara diberikan oleh Sektre tariat Kebajikan dan Pengaduan PMUTM kepada ahlinya ialah menangani masalah kekurangan tempat tinggal yang dihadapi pelajar.

"Dalam menangani masalah itu, pelbagai langkah diambil oleh exco seperti menguruskan supaya tempat penginapan di luar kampus yang diduduki pelajar yang bakal menamatkan pengajian, diambil alih oleh pelajar baru pula."

"Hubungan sedemikian perlu bagi membantu mengatasi masalah kekurangan tempat penginapan di kalangan pelajar kerana sehingga kini, masalah itu masih di peringkat kritikal, lebih-lebih lagi pengambilan jumlah pelajar meningkat pada setiap tahun."

"Di samping itu, kami juga mengedarkan borang kaji selidik mengenai perumahan serta kelengkapan pembelajaran di kampus ini. Maklumat itu akan disalurkan kepada pihak universiti supaya diambil tindakan," katanya.

Selain penginapan, Md Rizal berkata, pihaknya juga berusaha memohon perkhidmatan bas untuk pelajar yang tinggal di sekitar Lembah Klang untuk kemudahan pengangkutan.

Bagaimanapun, beliau berkata, perkara berkenaan masih belum dapat diselesaikan kerana timbul beberapa masalah, termasuk perbezaan waktu kuliah di kalangan pelajar.

Namun, semua cabaran itu tidak pernah melemahkan semangat Md Rizal untuk terus mencurahkan khidmat dalam persatuan berkenaan demi kepentingan pelajar UTM secara keseluruhan.

"Pada permulaan saya memperoleh akan jawatan berkenaan, memanglah berasa agak keberatan kerana tanggungjawab yang dipikul adalah besar kerana jumlah pelajar yang perlu dikendalikan lebih 4,000 orang."

Bagaimanapun dengan bersama bantuan ahli, pelbagai cabaran dapat ditangani dan dihadapi dengan tenang.

"Fokus saya ialah memelihara hubungan baik dengan pihak pentadbiran universiti supaya memudahkan pelbagai urusan bersama. Di samping itu, saya berharap pengganti saya di dalam persatuan kelak dapat menjalankan kerja dengan ikhlas dan lebih baik," katanya.

(END)